



MAJLIS DAERAH TAPAH

PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu:-

JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR
(PERANCANG BANDAR & DESA)**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

TARAF JAWATAN : **TETAP / KONTRAK**

JUMLAH KEKOSONGAN : **1 KEKOSONGAN**

GRED JAWATAN / GAJI : **GRED N29**

MINIMUM	RM 1,493.00
MAKSIMUM	RM 5,672.00
KENAIKAN TAHUNAN	RM 145.00

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM1,493.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29:RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

- : 3. Pegawai yang dilantik akan melaksanakan tugas seperti berikut:
- (a) Membantu menyelaraskan pengkalan data Unit GIS
 - (b) Memproses permohonan atau pelan-pelan pembangunan
 - (c) Membantu menyelaraskan kajian pembangunan seperti Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas, Pengukuran Bandar Mampan (Murni.net), Dasar Perbandaran Negara dan sebagainya.
 - (d) Lain-lain arahan kerja yang diberikan daripada pengurusan tertinggi dari masa ke semasa.

PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MDT.(PKDM) – 1 yang boleh dimuat turun (download) melalui laman web Majlis Daerah Tapah secara PERCUMA

Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Daerah Tapah : www.mdtapah.gov.my

PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN- KEMUDAHAN

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **6 NOVEMBER 2020**